

MAHATHIR-PILIHANRAYA

I

1982

KUALA LUMPUR, 20 MAC (BERNAMA)--PENGUMUMAN YANG DIBUAT OLEH DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENGENAI PEMBUBARAN DEWAN RAKYAT HARI INI TIDAK MEMERANJATKAN KERANA AKHBAR-AKHBAR TELAH PUN MEMBUAT RAMALAN BAHAWA PILIHANRAYA UMUM TIDAK LAMA LAGI.

TETAPI YANG ANIH SEORANG PEMBERITA YANG MEMBUAT LIPUTAN SIDANG AKHBAR MENGENAI PENGUMUMAN ITU BERTANYA PERDANA MENTERI MENGAPA IA MEMBUAT PENGUMUMAN BEGITU AWAL.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJAWAB +SAYA TERPAKSA BERBUAT DEMIKIAN KERANA PIHAK AKHBAR HENDAK TAHU SANGAT, SEHINGGA SAYA DIEKORI KEMANA SAYA PERGI+.

+SEKARANG BILA SAYA TELAH MENGUMUMKANNYA, SAYA DITANYA KENAPA TARIKH PEMBUBARAN DEWAN RAKYAT DIUMUMKAN TERLALU AWAL+.

+TIDAK ADA APA YANG MENGHAIRANKAN, KITA TERPAKSA MEMBUAT PENGUMUMAN LEBIH AWAL DAN SEKARANG SEMUA PERSIAPAN TELAH SIAP+, KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENAMBAH BAHAWA BELIAU TERPAKSA MEMBERI MASA KEPADA PARTI-PARTI PEMBANGKANG UNTUK MEMBUAT PERSIAPAN.

--BERSAMBUNG 2312/MD

TAMBAHNYA ADALAH SESUAI UNTUK MEMBUAT PENGUMUMAN HARI INI UNTUK MENGELAKKAN KEBUCURAN MEMANDANGKAN MESYUARAT TELAH DIADAKAN DENGAN PARTI-PARTI BARISAN NASIONAL.

+KAMI BOLEH MENUTUP SEMUA HAL TETAPI TIDAK DAPAT MENUTUP MULUT ORANG+, KATANYA. --BERNAMA 2315/MD